

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
(SANDAKAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cukai yang telah dikutip dari negeri Sabah secara terperinci dan nyatakan dalam pecahan cukai pendapatan individu, cukai pendapatan syarikat, cukai jualan, cukai GST dan lain-lain disenaraikan dalam setiap tahun dari tahun 2011 hingga 2015.

JAWAPAN

JAWAPAN

Pentadbiran kutipan hasil Kerajaan Persekutuan bagi semua negeri-negeri di Malaysia termasuklah bagi negeri Sabah adalah melibatkan dua jabatan/agensi iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

(LHDNM) yang mengutip cukai langsung dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang mengutip cukai tidak langsung. Secara amnya cukai langsung terdiri dari cukai pendapatan syarikat/individu, cukai pendapatan petroleum, duti setem, cukai keuntungan harta tanah dan cukai pegangan. Cukai tidak langsung pula terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, GST dan levi keuntungan luar biasa.

Adalah dimaklumkan juga bahawa kutipan cukai di sesuatu negeri termasuklah di negeri Sabah adalah tidak menggambarkan sumbangan pendapatan secara langsung yang dihasilkan daripada aktiviti ekonomi di negeri berkenaan. Ini disebabkan negeri di mana lokasi cawangan LHDNM yang menerima pembayaran cukai langsung berkemungkinan besar adalah berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi dijalankan atau negeri tempat tinggal pembayar cukai. Sebagai contoh, wujud keadaan di mana aktiviti ekonomi dijalankan di negeri Sabah tetapi cukai dibayar di cawangan LHDNM di Kuala Lumpur kerana syarikat memfail cukai pendapatannya di cawangan LHDNM di Kuala Lumpur. Selain itu, syarikat yang menjalankan perniagaan di negeri Sabah mungkin membuat pengimportan di negeri lain dan membayar duti import di negeri tersebut. Sebagai contoh, syarikat berkenaan mengimport melalui Pelabuhan Klang dan dengan itu kutipan duti import yang berkenaan direkodkan bagi negeri Selangor.